

Notis diberi sejak Disember lalu

Tindakan perobohan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Klang adalah di bawah arahan kerajaan negeri

KLANG - Pejabat Daerah dan Tanah Klang menyangkal kenyataan bahawa pihaknya mengambil tindakan drastik meroboh tanpa sebarang notis terhadap pengusaha Restoran Berkeley Corner.

Menurut kenyataan dari Pejabat Daerah dan Tanah Klang, pihaknya telah mengeluarkan notis pertama sejak Disember 2013 kepada pemilik restoran.

“Malah notis yang kedua turut diberi pada April 2014 lalu.

“Operasi perobohan itu dibuat selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang mana mereka turut bersetuju agar pihak kita mengeluarkan notis pengosongan premis sehingga tiga bulan kepada pemilik restoran.

“Dalam tempoh itu juga,

pemilik restoran tidak dibenar bagi meneruskan operasi setelah tamat tempoh tersebut,” katanya kepada *Sinar Harian* di pejabat itu, semalam.

Menurutnya, tindakan perobohan terpaksa diambil berikutan restoran itu terletak di atas sebahagian tanah di lot 41883 yang merupakan tanah kerajaan bagi maksud kawasan lapang dan sebahagian lagi adalah tanah kerajaan.

“Berbeza dengan dua premis berdekatan yang mana kedudukan mereka adalah atas tanah milik individu.

“Bagi restoran Berkeley Corner, ia didirikan atas tanah milik kerajaan dan kami di Pejabat Daerah dan Tanah Klang hanya melaksanakan arahan oleh pihak kerajaan negeri,” katanya.

Dalam pada itu katanya, operasi pada 11 September



Restoran Berkeley Corner beroperasi semula sejak seminggu lalu walaupun sudah diberikan notis pengosongan oleh pihak berkuasa.

lalu adalah operasi yang kedua yang dijalankan dengan membabitkan kerjasama beberapa agensi lain.

“Operasi pertama terhadap premis itu sudah dijalankan pada 25 Februari lalu

bagaimanapun ia mendapat halangan daripada pemilik dan juga Ahli Parlimen Kapar, G Manivanan yang turut campur tangan.

“Perbincangan telah dibuat dengan pengusaha

bagaimanapun selepas notis tiga bulan tamat, pemilik gagal mengambil tindakan sewajarnya.

“Berikutan itu, operasi kedua terpaksa dilakukan atas arahan pihak berkuasa ke-

rajaan negeri,” katanya.

Sehingga kini katanya, pihaknya masih menunggu permohonan tempoh pengosongan daripada pengusaha sebelum tindakan susulan dilakukan bagi memastikan arahan pihak berkuasa negeri dilaksanakan.

Sinar Harian turut membuat tinjauan ke restoran berkenaan semalam dan mendapati restoran itu kembali beroperasi seperti sedia kala kira-kira sejak seminggu lalu.

Pada 11 September lalu sekitar jam 3.30 pagi, pihak Pejabat Daerah dan Tanah Klang bersama beberapa agensi lain bertindak merobohkan restoran Berkeley Corner bagaimanapun gagal berikutan halangan daripada pelbagai pihak sepertimana yang disiarkan menerusi *Sinar Harian* pada 13 September lalu.